

SELIA HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN



Pada 23 Januari 2013, SELIA Group melalui SELIA Selenggara Selatan telah menjalankan tanggungjawab CSRnya dengan menghulurkan bantuan kepada ibu salah seorang kakitangan SSS yang bertugas di cawangan Bahau iaitu Puan Zaliya Zainal. Kediaman ibu beliau telah musnah dalam satu kebakaran yang berlaku pada 8 Januari 2013.

Dalam peristiwa malang tersebut, ibu Puan Zaliya telah kehilangan semua hartabenda mereka. Untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga mereka, SSS telah menghulurkan bantuan berupa barangan elektrik, perabot serta wang tunai sebanyak RM5000.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh En. Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Sumber Manusia Selia Selenggara Selatan.

